

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

18. Adakah kemasukan warga asing telah meningkatkan kadar pengangguran dan tindakan pihak berkuasa untuk menangani lambakan pekerja asing terutamanya Pendatang Asing Tanpa Izin?
- (a) Adakah kerajaan akan atau telah mewujudkan polisi baru berkaitan pengambilan warga asing dalam sektor-sektor yang selama ini diisi oleh warga tempatan terutamanya pembinaan, pembersihan dan perkilangan?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Kemasukan warga asing tidak meningkatkan kadar pengangguran di Pulau Pinang. Berdasarkan data daripada *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), bilangan pekerjaan yang diwujudkan untuk diisi warganegara Malaysia oleh pelaburan industri pembuatan di Pulau Pinang pada tahun 2016 adalah sebanyak 10,816 manakala pada tahun 2017, bilangan pekerjaan yang diwujudkan oleh pelaburan industri pembuatan ialah sebanyak 13,553. Kadar pengangguran di Pulau Pinang kekal stabil pada 2.1%, kedua terendah antara negeri-negeri di Malaysia bagi tahun 2016.

Bagi menangani lambakan pekerja asing terutamanya Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah mengambil beberapa tindakan seperti

berikut:

- (i) Program penggajian dan penempatan semula Pendatang Tanpa Izin (PATI) (Program *Rehiring*) bagi membolehkan majikan dan PATI didaftarkan untuk dikeluarkan pas (lawatan kerja) sementara yang sah;
- (ii) Program Serah Diri (3+1) bagi membolehkan PATI menyerahkan diri dan mendaftar untuk pulang ke negara asal secara sukarela di mana program ini akan berakhir pada 30 Ogos 2018;
- (iii) Operasi Penguatkuasaan di mana sejak tahun 2015 hingga Jun 2018, seramai 889 majikan dan 10,784 PATI telah di tangkap menerusi 3,562 operasi; dan
- (iv) Tindakan pendakwaan ke atas majikan dan PATI di mana sejak tahun 2015 hingga Jun 2018, seramai 40 majikan dan 2,984 PATI telah di dakwa atas beberapa kesalahan.

Buat masa ini, kerajaan belum mewujudkan polisi baru berkaitan pengambilan warga asing dalam sektor-sektor yang selama ini diisi oleh warga tempatan terutamanya pembinaan, pembersihan dan perkilangan. Polisi kerajaan yang terbaharu adalah hanya berkaitan penamatan pelaksanaan hala tuju program penggajian dan penempatan semula PATI (Program *Rehiring*) yang ditamatkan pada 30 Jun 2018 tanpa sebarang pelanjutan manakala pelaksanaan tempoh program penghantaran pulang PATI secara sukarela (Program 3+1) dilanjutkan sehingga 30 Ogos 2018.